



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 18 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PEMANSUHAN SUBSIDI TELUR 10 SEN MAMPU JIMAT RM100j SEBULAN, BELANJAWAN 2025, HM -26	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	598 KAPAL NELAYAN ASING MASUK 'PUKAT', PUTRAJAYA, SH -23	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4.	NELAYAN MAHU SUBSIDI DIESEL KEKAL, DALAM NEGERI, UM -31 TANAM PADI DALAM PASU BUKAN KERJA GILA, AURA, KOSMO -30	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

18/10/2024

HARIAN
METROBELANJAWAN
2025

26

Kuala Lumpur: Pemansuhan subsidi telur sebanyak 10 sen yang mungkin disentuh dalam Belanjawan 2025 hari ini boleh menghasilkan penjimatan sebanyak RM100 juta sebulan atau RM1.2 bilion setahun.

Menurut TA Securities dalam satu nota penyelidikan, jika kerajaan meneruskan pemansuhan itu, harga telur dijangka meningkat hanya antara dua hingga tiga sen sebutir, sekali gus meredakan kebimbangan terhadap kenaikan harga yang mendadak.

"Ini (penghapusan subsidi) akan bertindak sebagai sebahagian daripada strategi kerajaan untuk mengalihkan penjimatan daripada subsidi yang disasarkan kepada sektor kritikal seperti penjagaan kesihatan, pendidikan dan pengangkutan awam," katanya.

Subsidi telur yang dipertingkatkan semasa kekurangan sumber makanan itu pada 2022, kini mengehadkan harga pada 42 sen un-

tuk telur Gred A, 40 sen untuk Gred B dan 38 sen untuk Gred C.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melaporkan mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan kembali pulih dan stabil.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata langkah menamatkan subsidi berkenaan wajar dipertimbangkan berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam yang memberi penjimatan RM100 juta sebulan.

Pemansuhan subsidi telur 10 sen mampu jimat RM100j sebulan

Katanya, penjimatan daripada subsidi itu dapat dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain yang lebih mendesak.

Sementara itu, TA Securities berkata, walaupun terdapat potensi penamatan subsidi, ia menjelaskan bahawa kenaikan harga mungkin akan menjadi minimum berikutan kos pe-

ngeluaran yang lebih rendah dan ringgit lebih kukuh.

Sementara itu, ia berkata harga makanan jagung dan kacang soya yang menyumbang sebahagian besar kos makanan ayam, masing-masing turun sebanyak 17.9 peratus dan 24.3 peratus tahun ke tahun.



KPKM dilaporkan mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan kembali pulih dan stabil.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/10/2024	SINAR HARIAN	PUTRAJAYA	25

Antara nelayan warga asing ditahan selepas menceroob dan mencuri hasil negara ketika Op Naga.



598 kapal nelayan asing masuk 'pukat'

451 daripadanya adalah kapal nelayan Vietnam

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
PUTRAJAYA

Sebanyak 598 tangkapan kapal nelayan asing dengan nilai rampasan berjumlah RM209 juta direkodkan sepanjang Op Naga dilaksanakan sejak Mei 2019 sehingga September lalu. Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Laksamana Muda Maritim Datuk Mohd Rosli Abdullah berkata, sepanjang tempoh lima tahun, sebanyak 75 peratus tangkapan dilakukan melibatkan 451 kapal nelayan asing warga Vietnam termasuk 4,391 kru ditahan membabitkan nilai rampasan melebihi RM190 juta.

"Angka ini merupakan sebahagian jumlah kapal nelayan asing yang dikesan memasuki perairan negara.

"Pasukan keselamatan terlibat dalam Op Naga sentiasa melaksanakan pemantauan dalam usaha membantah pencerobohan kapal-kapal nelayan asing yang mengaut hasil laut di perairan negara," katanya da-



MOHD ROSLI



Pihak berkuasa memeriksa kapal nelayan warga asing ketika Op Naga.

lam satu kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, Mohd Rosli berkata, ancaman aktiviti perikanan secara haram tidak dilaporkan dan tidak dikawal perlu ditangani dengan kerjasama semua pihak.

Jelas beliau, jika tidak dibantah, aktiviti tersebut menjejaskan habitat ekosistem marin, selain mengancam pembiakan benih ikan, sekali gus menjejaskan sumber pendapatan nelayan tempatan.

"Diharap Op Naga dapat diperkasakan lagi demi menjaga kedaulatan dan memastikan sumber

ekonomi negara sentiasa terpelihara," katanya.

Op Naga merupakan operasi bersepadu dikoordinasikan Maritim Malaysia yang melibatkan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Laut Malaysia (JLM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah.

Turut terlibat ialah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Jabatan Perikanan Sabah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Nelayan mahu subsidi diesel kekal

KANGAR: Kerajaan diharap dapat memberi penumpuan terhadap nasib golongan nelayan pada Belanjawan 2025.

Langkah tersebut merupakan pemangkin kepada transformasi sektor perikanan di samping memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kehidupan golongan nelayan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Perlis, Asri Jab berkata, golongan nelayan mengharapkan kerajaan dapat mengekalkan pemberian subsidi harga diesel RM1.65 seliter dalam belanjawan kali ini.

“Kami ada dengar ura-ura harga diesel subsidi nelayan akan dikurangkan menjadi RM1.80 seliter. Oleh itu diharap kerajaan dapat mengekalkan kadar sedia ada dalam belanjawan kali ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Dalam perkembangan sama, Asri berkata, kerajaan juga diharap dapat menambah elaun sara hidup nelayan dalam pembentangan belanjawan kali ini selaras kenaikan harga barangan semasa.

“Kalau boleh golongan nelayan mengharapkan elaun kos sara hidup itu dapat ditambah dari RM300 ke RM400 memandangkan harga peralatan dan kos keperluan semakin meningkat.

“Sebagai contoh, jika dulu harga pukot hanyalah sekitar RM17 hingga RM18, namun kini harganya tidak terkawal sehingga RM25.

“Oleh itu, selain menambah elaun sara hidup, harga bagi peralatan seperti pukot, enjin dan lain-lain juga perlu dikawal oleh kerajaan bagi memastikan kosnya tidak membebankan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/10/2024	KOSMO	AURA	30

30

AURA
 Majalah Melayu


SITI AAI SHAH menyembur air pada pokok padi yang ditanam di halaman rumahnya.

Usahanita

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

BEBERAPA bulan lalu, nama wanita ini menjadi perhatian warganet termasuk Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah selepas berkongsi kaedah penanaman padi dalam pasu di laman rumahnya.

Namun siapa sangka, wanita berusia 33 tahun itu merupakan bekas usahawan pelbagai bidang sebelum memilih untuk bergelar petani moden.

Oleh kerana sudah terbiasa dengan rutin harian yang sibuk, dia lantas tampil dengan idea unik untuk cuba berjinak-jinak menanam padi.

Berkongsi cerita, Siti Aai Shah Rahman Shah berkata, dia memang gemar bercucuk tanam biarpun ketika bekerja sebelum ini.

"Sejak Januari tahun ini, saya sudah tak terlibat lagi dengan dunia bisnes. Apabila sudah biasa bekerja, saya jadi 'blank' dan rasa lain.

"Sebelum ini, saya ada tanam strawberi dalam 10 pasu di samping beberapa jenis sayur.

"Asalnya, hendak teruskan dengan pokok strawberi.

"Namun, sementara menunggu hasil, saya terfikir apa lagi hendak ditanam.

"Saya juga biasa buat 'content' media sosial. Jadi saya terfikir, hendak tanam sesuatu yang bermanfaat.

"Jadi, saya terfikir hendak tanam padi. Lagi pula, sudah ada yang berjaya menanam padi dalam pasu," katanya memulakan bicara.

Siti Aai Shah yang menetap di Taman Lavender Heights, Seremban, Negeri Sembilan berkata, dia mula menanam padi sawah dalam 50 pasu.

"Saya ada juga buat kajian dan baca kajian Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi). Saya beli benih padi sawah pun dekat Shopee. Baja pula guna baja kopi.

"Menang tidak sangka, tanaman ini menjadi seperti di Mardi.



Tanam padi dalam pasu bukan kerja gila



SITI AAI SHAH menggunakan kira-kira 50 pasu untuk menanam pokok padi di halaman rumahnya di Seremban, Negeri Sembilan.

"Lebih teruja, masa pokok padi keluaran hasil adalah pada hari ke-70 dan hari ke-90 sudah menunduk.

"Apabila pegang dengan tangan, memang lagi bertambah teruja sebab ia menjadi walaupun dalam pasu," ujarnya yang pernah mengusahakan bisnes bakeri, taska dan butik pakaian muslimah sebelum ini.

Menurut ibu kepada lima cahaya mata itu, hasil padi yang dituai berjaya menghasilkan kira-kira 3.4 kilogram beras.

"Apabila sudah nampak hasilnya, saya kemudian menaik taraf baja yang khusus untuk padi.

"Sekarang saya cuba menanam padi huma, beras wangi, gandum dan beras

SITI AAI SHAH menunjukkan hasil padi yang berjaya dituainya.

perang.

"Ketika ini, saya masih tidak terfikir lagi hendak cari kawasan lapang untuk tanam padi. Sebaliknya, saya selesa memanfaatkan halaman rumah.

"Namun, jika ada peluang, apa salahnya," ujarnya.

Sejak meraih perhatian netizen, Siti Aai Shah mengakui, dia bukan saja mendapat pujian serta komen positif, malah ada segelintir netizen yang seakan-akan memandang rendah akan usahanya itu.

Menurutnya, perkara berkenaan tidak menjadi 'kudis', malah dia menjadikan situasi tersebut sebagai pembakar semangat untuk terus mengorak langkah ke hadapan.

"Bagi saya, masing-masing ada pendapat.

Mereka tidak tahu dan hanya nampak luaran saja. Nampak seperti buang masa, leceh, baik beli beras di kedai.

"Sebenarnya, tanam padi kita tidak perlu hadap 24 jam pun. Ia tidak susah seperti sesetengah orang fikir.

"Jika kita suka sesuatu, mesti kita tidak kisah berhabis wang atau tenaga.

"Saya berasa puas apabila dapat berkongsi ilmu dengan orang lain terutama suri rumah," ujarnya menutup bicara.